

NO. SOALAN : 535

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MANIVANAN A/L
GOWINDASAMY [KAPAR]**

SOALAN :

**YB. Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) sama ada ujian DNA atau apa-apa langkah lain perlu diambil untuk membuktikan kewujudan Hang Tuah dan rakan-rakan beliau dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka; dan
- (b) sama ada mana-mana Jabatan atau agensi seperti Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sedang berusaha memperkenalkan budaya pelbagai kaum di negara ini demi memupuk kesefahaman dan hubungan antara kaum.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
 MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telah menjalankan kajian arkeologi berkaitan Kota Melaka dan menemui artifak yang boleh dikaitkan dengan kewujudan Kota Melaka. Walau bagaimanapun, bukti arkeologi yang mengaitkan dengan Laksamana Hang Tuah belum lagi ditemui. Kajian selanjutnya mengenai sejarah Melaka sentiasa mendapat perhatian Kementerian ini dan akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Selain itu, Kementerian ini menerusi Perpustakaan Negara Malaysia turut menjalankan usaha penyelidikan ke atas sumber dokumen tempatan seperti manuskrip Melayu dan dokumen luar bagi mencari bukti kebenaran tentang wujudnya Hang Tuah. Dalam manuskrip Melayu, watak Hang Tuah tercatat dalam teks Hikayat Hang Tuah, Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) dan juga Tuhfat al-Nafis. Selain itu, watak Hang Tuah juga terdapat dalam dokumen-dokumen luar negara seperti "*Rekidai Hoan*" (Jepun), "*Vijayanagara*" (India), "*The Commentaries Of The Great Alfonso Dalboquerque: Second Viceroy Of India*" (Portugis) dan Dokumen Ming Shi (China).

Kisah berkaitan Hang Tuah telah sebatikan dalam masyarakat Melayu serta telah menjadi sebahagian Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (*Intangible Cultural Heritage*) melalui tradisi lisan, pantun, pepatah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memupuk kesefahaman budaya dan menjalin rasa muhibah antara kaum di Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui jabatan/agensi di bawahnya telah melaksanakan inisiatif seperti berikut:

- (1) Melalui pendidikan seni, budaya dan warisan di semua peringkat secara formal dan tidak formal;
- (2) Meningkatkan kesedaran melalui Program Merakyatkan Seni (PMS) dengan pelbagai aktiviti bersama masyarakat merangkumi pelbagai kaum;
- (3) Program keilmuan seperti seminar, wacana, dialog, simposium mengenai budaya antara kaum;
- (4) Program pemuliharaan dan pemeliharaan warisan tanpa mengira kaum dan agama. Antaranya, pemuliharaan bangunan-bangunan warisan seperti masjid, tokong, kuil dan lain-lain. Bagi Warisan Tidak Ketara, program seni persembahan, permainan tradisi dan makanan pelbagai kaum juga dilaksanakan; dan
- (5) Program penyemarakan melalui Majlis Rumah Terbuka Malaysia bagi setiap perayaan kaum utama di Malaysia.

Sekian, terima kasih.